Volume: 9 Issues: 63 [June, 2024] pp. 172 - 182
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096312

KESEJAHTERAAN SOSIAL PELAJAR ASNAF DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI: MASALAH DAN PENYELESAIAN

SOCIAL WELLBEING OF ASNAF STUDENTS IN HIGHER EDUCATION INSTITUTION: PROBLEM AND SOLUTION

Md.Lazim Mohd Zin[1]
Abdul Halim Abdul Majid[2]
Hadziroh Ibrahim[3]
Noor Hafiza Zakariya[4]
Muhammad Syafiq Abu Bakar[5]

[1]Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (E-mail: lazim@uum.edu.my)
[2]Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (E-mail: ahalim@uum.edu.my)
[3]Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (E-mail: hadziroh@uum.edu.my)
[4]Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (E-mail: noofhafiza@uum.edu.my)
[5]Lembaga Zakat Negeri Kedah, Malaysia, (Email: syafiq.abubakr@gmail.com)

Article history
Received date : 24-4-2024
Revised date : 25-4-2024
Accepted date : 12-5-2024
Published date : 25-6-2024

To cite this document:
Zin, M. L. M., Majid, A. H. A., Ibrahim, H., Zakariya, N. H., & Bakar, M. S. A. (2024). Kesejahteraan Sosial Pelajar Asnaf di Institusi Pengajian Tinggi: Masalah dan Penyelesaian. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED),* 9 (63), 172 – 182.

Abstrak*: Kajian ini memberi fokus kepada isu berkaitan dengan kesejahteraan sosial pelajar asnaf di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam. Beberapa indikasi kepada isu ini seperti bebanan kewangan, kemudahan pengajian yang tidak mencukup, peningkatan kos sara hidup dan dinamika interaksi sosial pelajar seakan memberi gambaran kepada kualiti atau tahap kesejahteraan sosial mereka yang kurang baik. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mencapai dua objektif iaitu (i) meneroka dan meneliti masalah kesejahteraan sosial dalam kalangan kalangan pelajar asnaf; dan (ii) mengenalpasti cadangan/langkah-langkah bagi mengatasi masalah kesejahteraan sosial dalam kalangan pelajar asnaf. Kajian secara kualitatif telah dilakukan yang melibatkan sejumlah 30 pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hampir 25 peratus pelajar tidak berpuashati dengan kualiti kesejahteraan sosial mereka. Beberapa cadangan telah dikemukakan termasuklah implikasi pelaksanaannya seperti mempelbagaikan aktiviti fizikal dan rohani, menyediakan infrastruktur pembelajaran dalam talian yang kondusif, mengimbangi sikap positif, negatif terhadap penggunaan teknologi digital dan mengangkat peranan LZNK sebagai hub sehenti program kesejahteraan mental dan sosial pelajar IPTA menerusi kolaborasi tripatite antara IPTA, LZNK dan Persatuan Rukun Tetangga / Masyarakat.*

Volume: 9 Issues: 63 [June, 2024] pp. 172 - 182
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096312

Kata Kunci: *Kesejahteraan Sosial, Hubungan Kekeluargaan, Teknologi Digital, Pembelajaran Dalam Talian, Pelajar Asnaf,*

Abstract: - *This study focuses on issues related to the social well-being of asnaf students at a Public Higher Education Institution. Some indications of this issue such as financial burden, inadequate study facilities, increased cost of living and the dynamics of students' social interactions seem to give an impression of the poor quality or level of their social well-being. Therefore, this study was conducted to achieve two objectives, namely (i) explore and examine social well-being problems among asnaf students; and (ii) identify recommendations/measures to overcome social well-being problems among asnaf students. A qualitative study was conducted involving a total of 30 students. The findings of the study show that there are almost 25 percent of students who are not satisfied with the quality of their social well-being. Several suggestions have been put forward including the implications of its implementation such as diversifying physical and spiritual activities, providing a conducive online learning infrastructure, balancing positive and negative attitudes towards the use of digital technology and promoting the role of LZNK as a one-stop hub for IPTA students' mental and social well-being programs through tripartite collaboration between IPTAs , LZNK and Association of Neighbors / Social.*

Keywords: *Social Wellbeing, Family Relationship, Digital Technology, Online Learning, Asnaf Students*

Pengenalan

Dewasa ini, isu tentang kesejahteraan hidup sering diperkatakan ekoran daripada pelbagai isu dan masalah yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Kesejahteraan hidup adalah satu proses kehidupan yang dinamik dan setiap fasa yang dilalui akan sentiasa berubah dan berkembang secara berterusan. Pada asasnya, kesejahteraan hidup ini merangkumi aspek seperti kesejahteraan diri, keluarga, komuniti, ekonomi, sosial dan pendidikan (Abd Wahab, 2018; Ummi Munirah, Mansor, Wan Shazlinda & Wan Suraya, 2016). Perubahan-perubahan yang berlaku ini dikaitkan dengan beberapa faktor seperti pengaruh persekitaran, hubungan kekeluargaan, kemajuan teknologi dan pendidikan dalam talian telah mengubah gaya hidup, sikap dan tingkahlaku masyarakat. Misalnya, ketidakstabilan hubungan kekeluargaan, ketidakpercayaan dalam kejiranan, penggunaan media sosial, penyalahgunaan bahan dalam talian, kesunyian, jenayah komuniti dan kemiskinan adalah antara pemangkin kepada kemerosotan kualiti kesejahteraan mental dan sosial masyarakat (Ganasan & Azman, 2021; Nordin & Talib, 2009; Tang, Chou, Chen & Tu, 2016) .

Isu berkaitan dengan kesejahteraan hidup dalam kalangan pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) telah banyak dikaji oleh beberapa penyelidik terdahulu khususnya yang berkaitan dengan indeks kesejahteraan hidup, nilai-nilai murni, kepuasan hidup dan kesejahteraan psikologi (Emilly & Mohd Dahlan, 2014; Jauhari et al., 2022; Salleh Amat & Zuria Mahmud, 2009; Ummi Munirah et al., 2016). Misalnya, kajian oleh Ummi Munirah et al., (2016) mendapati bahawa 45.1% pelajar di IPTA mempunyai tahap indeks kesejahteraan hidup yang baik dan 49% pada tahap sederhana. Manakala, 94.1% pelajar IPTS mempunyai tahap kesejahteraan psikologi yang sederhana. Mereka berpendapat bahawa tahap indeks ini boleh ditingkatkan sekiranya penglibatan pelajar dalam aktiviti sosial dapat diberi keutamaan kerana ianya dapat membina kekuatan dalaman diri mereka seperti ketegasan diri, dan nilai-nilai murni (Emilly & Mohd Dahlan, 2014; Salleh Amat & Zuria Mahmud, 2009).

Volume: 9 Issues: 63 [June, 2024] pp. 172 - 182
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096312

Berdasarkan situasi di atas, timbul persoalan tentang tahap kesejahteraan sosial pelajar-pelajar asnaf di IPTA/IPTS. Pada masa yang sama, tidak banyak statistik yang dilaporkan tentang kualiti dan tahap kesejahteraan sosial pelajar-pelajar asnaf (Abu Bakar, Shafiza & Irfan, 2022). Melihat dari sisi fasa kehidupan pelajar asnaf di IPT, menjalani kehidupan sebagai pelajar di UUM pastinya mempunyai liku dan ranjau yang perlu ditempuhi oleh mereka. Perbincangan bersama Pusat Kaunseling dan Pembangunan Kerjaya UUM mendapati bahawa sebanyak 3220 sesi kaunseling berkaitan isu kesihatan mental telah dikendalikan pada 2022. Trend peningkatan kes ini juga agak membimbangkan jika dibandingkan dengan kes yang dilaporkan pada 2019 hingga 2021. Misalnya, sebanyak 304 isu berkaitan kesihatan mental direkodkan pada 2019, dan angka ini meningkat kepada 316 kes pada 2020, diikuti sebanyak 1010 kes pada 2021. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meneliti masalah kesejahteraan sosial dalam kalangan pelajar asnaf di UUM dan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi masalah ini. Seterusnya, cadangan/langkah-langkah bagi mengatasi masalah kesejahteraan sosial juga dikenal pasti.

Sorotan Susastera

Konsep Kesejahteraan Sosial

Konsep kesejahteraan secara umumnya ditakrifkan sebagai persepsi individu secara dalaman (psikologi) (*something that happens within an individual)* yang diukur dari sudut kegembiraan, kepuasan hidup, harga diri, kecekapan diri, kehidupan berkeluarga, kesihatan fizikal, dunia pekerjaan, kualiti pendidikan dan kemampuan kewangan (Ruggeri et al., 2020; Smith & Wesselbaum, 2024; Teghe & Rendell, 2005). Konsep ini adalah bersifat abstrak atau subjektif. Merujuk kepada Keyes (2006), kesejahteraan juga dikenali dengan kesejahteraan subjektif (*subjective wellbeing*) iaitu persepsi dan penilaian seseorang individu terhadap kehidupan mereka. Beberapa penyelidik lalu telah mengklasifikasikan konsep kesejahteraan ini kepada tujuh aspek iaitu kesejahteraan mental, kesejahteraan sosial, kesejahteraan intelek, kesejahteraan jasmani, kesejahteraan rohani, kesejahteraan pekerjaan dan kesejahteraan persekitaran (Carruthers & Hood, 2004; Ruggeri et al., 2020; Ryff & Keyes, 1995; Ryff, 1989; Smith & Wesselbaum, 2024; Tamar & Alayan, 2021).

Kesejahteraan sosial adalah keupayaan dalam berinteraksi dengan komuniti dan memenuhi tanggungjawab sebagai masyarakat dalam menerima kepelbagaian bangsa, budaya, kepercayaan, adat resam dan jantina (Abu Bakar et al., 2022; Jordan, 2023; Lages et al., 2018; Smith & Wesselbaum, 2024). Merujuk kepada Keyes (1998), kesejahteraan sosial adalah penilaian seseorang individu terhadap sesuatu keadaan dan fungsi atau peranan dalam masyarakat. Beliau menjelaskan bahawa kehidupan ini mempunyai sifat dan struktur sosial. Oleh yang demikian, beliau melihat struktur sosial ini boleh difahami berdasarkan lima dimensi iaitu:

a) Integrasi sosial - kualiti dalam hubungan individu dengan masyarakat. Seseorang individu itu akan berasa mempunyai nilai integrasi yang baik apabila mereka mempunyai persamaan dengan konteks sosial mereka yang lain;
b) Penerimaan sosial – persepsi bahawa nilai, budaya, ciri-ciri, norma dan kepercayaan individu telah diterima oleh konteks sosial mereka.
c) Sumbangan sosial - termasuk penilaian individu terhadap nilai sosial mereka: keberkesanan diri dan tanggungjawab mereka, termasuk kepercayaan bahawa mereka adalah individu penting dalam masyarakat;

Volume: 9 Issues: 63 [June, 2024] pp. 172 - 182
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096312

d) Aktualisasi sosial - merujuk kepada penilaian individu tentang bagaimana masyarakat berkembang dan bagaimana mereka bersama-sama melalui fasa evolusi dalam pembangunan potensi diri serta faedah yang diterima;
e) Keselarasan sosial – merujuk kepada persepsi individu terhadap kualiti, organisasi dan fungsi sosial. Individu yang mempunyai kualiti yang baik akan bersikap realistik tentang kehidupan dan berusaha mencari apa yang diinginkan dalam hidup.

Teori Kesejahteraan PERMA

Martin Seligman (2018) memperkenalkan model 'PERMA' yang mengandungi lima elemen penting untuk kesejahteraan manusia iaitu: emosi positif, penglibatan, perhubungan, makna dan pencapaian. Pada asasnya, model ini boleh digunakan untuk memahami bagaimana seseorang individu itu boleh meningkatkan kesejahteraan diri mereka sendiri. Terdapat lima asas yang membolehkan inidividu memahami kesejahteraan diri;

- Emosi Positif (positive emotion) – Usaha untuk meningkatkan pemikiran yang positif. Walaupun berdepan dengan kekangan, kita boleh meningkatkan emosi positif menerusi refleksi tentang masa lalu (cth., dengan memupuk rasa syukur dan memaafkan), emosi positif kita tentang masa kini (cth., dengan menikmati kesihatan fizikal) dan emosi positif kita tentang masa depan (cth., dengan membina harapan dan optimis tentang apa yang akan berlaku).
- Penglibatan (engagement) - Penglibatan ialah pengalaman di mana seseorang menggunakan sepenuhnya kemahiran, kekuatan dan perhatian mereka untuk tugas yang mencabar.
- Hubungan (relationship) - Pengalaman yang menyumbang kepada kesejahteraan sering diperkuatkan melalui perhubungan. Misalnya, gembira, ketawa, menangis, rasa disayangi dan bangga dengan diri adalah perasaan yang dibina menerusi keutuhan hubungan dengan orang sekeliling.
- Makna (meaning) – individu berasa dihargai atas pengorbanan dan sumbangan kepada orang yang lain. Meraka sanggup mendahului kepentingan orang laian daripada kepentingan diri sendiri.
- Pencapaian (accomplishment) – Individu berusaha mencapai apa yang mereka inginkan seperti mencapai kejayaan, kecekapan, kejayaan dalam pelbagai aspek termasuklah pendidikan, sukan, permainan, dan kerjaya.

Berdasarkan lima elemen ini, penyelidik yakin bahawa kesejahteraan mental dan sosial pelajar asnaf boleh disuburkan dengan menerapkan semua elemen dalam model PERMA dalam kehidupan mereka dan bagaimana ia boleh disesuaikan dengan kehidupan di kampus, hidup bersama keluarga dan masyarakat.

Metodologi Kajian

Populasi dan Persampelan Kajian

Populasi kajian adalah semua pelajar asnaf di UUM yang menerima zakat samada dari Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) atau dari lembaga zakat di negeri-negeri lain di Malaysia. Merujuk kepada LZNK (2023), golongan pelajar layak menerima zakat yang dikategorikan di bawah asnaf fakir dan miskin atau *fi-sabilillah*. Berdasarkan *ijtihad ulama* khususnya di Malaysia, para pelajar dan penuntut ilmu dikategorikan sebagai golongan yang berhak menerima zakat sama ada diklasifikasikan di bawah asnaf fakir dan miskin atau *fi-sabilillah* (LZNK, 2023). Berdasarkan statistik yang disediakan oleh Jabatan Strategi dan Pembangunan Perniagaan UUM, terdapat seramai 2143 pelajar asnaf yang menerima zakat pada tahun 2022.

Volume: 9 Issues: 63 [June, 2024] pp. 172 - 182
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096312

Kajian ini memberi fokus kepada pelajar asnaf kerana kumpulan pelajar ini berhadapan dengan pelbagai isu berkaitan kesejahteraan mental dan sosial. Sebagai rekod, sebanyak 3220 sesi kaunseling berkaitan isu kesihatan mental dan sosial telah dikendalikan dari tahun 2019 hingga 2022. Manakala, sejumlah 304 isu berkaitan kesihatan mental direkodkan pada 2019, dan angka ini meningkat kepada 316 kes pada 2020, diikuti sebanyak 1010 kes pada 2021. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti masalah kesejahteraan sosial dalam kalangan pelajar asnaf di UUM.

Berdasarkan jumlah populasi iaitu 2143 pelajar asnaf, maka jumlah sampel yang diperlukan adalah sebanyak 327 pelajar (Cohen et al., 2001; Krejcie & Morgan, 1970). Jumlah saiz sampel ini memadai untuk pengutipan data kuantitatif iaitu menerusi edaran soal selidik secara dalam talian. Teknik persampelan yang digunakan bagi kaedah kuantitatif adalah teknik persampelan rawak bersistematik (*systematic random sampling*).

Prosedur Pengutipan Data Kualitatif

Bagi pengutipan data kualitatif secara temubual bersemuka, empat langkah berikut telah dilakukan iaitu:

- Penyelidik mengenalpasti pelajar-pelajar asnaf di UUM yang berminat untuk menjadi responden dengan meminta kerjasama daripada pensyarah-pensyarah di Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) untuk memaklumkan tentang kajian ini semasa sesi kuliah.
- Pelajar yang berminat dikehendaki menghantar maklumat peribadi seperti nama, nombor matrik, program, nombor telefon dan status penerima zakat kepada penyelidik.
- Mengenalpasti senarai akhir pelajar asnaf yang terlibat dalam sesi temubual.
- Seterusnya surat rasmi jemputan ke sesi temubual diedarkan menerusi emel kepada pelajar berkenaan. Surat jemputan ini mengandungi maklumat tentang tempat, tarikh dan masa sesi temubual beserta dengan maklumat ringkas tujuan kajian dijalankan.

Analisis Data

Data kualitatif telah dianalisis dengan analisis *thematic*. Analisis *thematic* adalah satu kaedah yang digunakan untuk mengenal pasti, mengorganisasi dan memberikan pemahaman dalam bentuk maksud (tema) bagi satu set data. Analisis ini membolehkan penyelidik mengenal pasti dan memahami maksud dan pengalaman secara kolektif (Braun & Clarke, 2012; Cernaser & Axon, 2023; Rosairo, 2023). Secara khususnya, kajian ini menggunakan kaedah pengkodan *thematic,* di mana prosesnya bermula dengan data tertentu yang kemudiannya diubah menjadi kategori dan tema. Seterusnya kesimpulan dibuat berdasarkan pemerhatian ke atas data tersebut. Analisis digunakan untuk menganalisis data temubual khususnya berkaitan dengan isu/masalah kesejahteraan sosial pelajar asnaf, dan cadangan/langkah-langkah mengatasi masalah kesejahteraan sosial pelajar asnaf.

Dapatan Kajian

Demografi Responden

Kutipan data kualitatif dilakukan secara temubual bersemuka bersama dengan 30 orang responden. Jadual 1 di bawah menunjukkan demografi responden berkenaan. Dari aspek umur, 60% responden berumur antara 21 hingga 22 tahun, diikuti dengan mereka yang berumur antara 23-24 tahun (36.67%), dan 25-27 tahun (3.33%). Dari segi jantina, 70% responden

Volume: 9 Issues: 63 [June, 2024] pp. 172 - 182
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096312

adalah terdiri daripada pelajar perempuan dan 30% pelajar lelaki. Majoriti responden juga adalah mereka yang sedang mengikuti pengajian pada semester ke-4 (63.33%), dan majoriti daripada mereka adalah pelajar dari Program Pengurusan Sumber Manusia (36.67%) diikuti dengan Program Sains Ekonomi (13.33%), Pentadbiran Perniagaan (13.33%) dan Pemasaran (10%).

Jadual 1: Demografi Responden

Demografi	Bilangan	Peratusan
Umur		
21 -22	18	60.00
23 - 24	11	36.67
25 - 27	1	3.33
Jantina		
Lelaki	9	30.00
Perempuan	21	70.00
Semester		
4	19	63.33
5	1	3.33
6	10	33.33
Bilangan adik beradik		
2-4 orang	19	63.33
5-7 orang	9	30.00
>8 orang	2	6.67
Program Pengajian		
Pengurusan Sumber Manusia	11	36.67
Sains Ekonomi	4	13.33
Pentadbiran Perniagaan	4	13.33
Pemasaran	3	10.00
Keusahawanan	1	3.33
Kontemporari dan Industri Kreatif	1	3.33
Lain-lain	6	20.00

Persepsi terhadap Kesejahteraan Sosial

Bahagian ini menerangkan tentang dapatan kajian kualitatif khususnya bagi menjawap objektif kajian pertama iaitu meneroka dan meneliti isu dan masalah kesejahteraan mental dan sosial dalam kalangan pelajar asnaf di UUM. Dalam kajian ini, responden diminta untuk memberi pandangan terhadap kesejahteraan mental dan sosial dan isu-isu yang berkaitan. Berdasarkan data dari temubual bersemuan, pasukan penyelidik mendapati terdapat tiga isu utama yang dibangkitkan responden iaitu pengasingan diri daripada keluarga dan rakan-rakan, keperluan hidup tidak dapat dipenuhi dan masalah ketidakstabilan hubungan antara ahli keluarga dan ibubapa di rumah. Hal ini bersesuaian dengan kajian ini yang mendapati hampir 65% - 70% berpandangan bahawa kesejahteraan sosial amat dipengaruhi oleh faktor hubungan seseorang dengan rakan (*peer*), keluarga dan masyarakat. Manakala kesejahteraan mental pula dikaitkan dengan keupayaan mereka mengawal tahap emosi (gembira atau sedih), dan tekanan (stress), *depression* atau *anxiety* yang mungkin akan memberi kesan kepada tahap kesejahteraan sosial mereka.

Volume: 9 Issues: 63 [June, 2024] pp. 172 - 182
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096312

Dalam perkembangan sama, responden turut ditanya tentang kepuasan hati terhadap tahap kesejahteraan sosial pada masa kini. Dapatan menunjukkan lebih dari 75% responden menjawab 'YA' berpuas hati dan selebihnya telah menjawab 'TIDAK' berpuas hati dengan tahap kesejahteraan sosial mereka. Antara alasan yang diberi ialah (i) memikirkan sesuatu perkara itu dengan terlalu mendalam terutama bagi perkara yang melibatkan individu/orang lain; (ii) tidak menangani cabaran yang dihadapi secara matang; (iii) kurang mendapatkan pandangan orang lain yang boleh dipercayai untuk menyelesaikan sesuatu masalah; (iv) tidak mengurus tekanan (*stress*) dengan cara yang baik dan sesuai dengan diri; dan (vi) kurang bercampur dan bergaul dengan orang ramai (jaringan dan jalinan ukhwah) terutamanya dalam aktiviti kemasyarakatan.

Responden juga berpendapat bahawa tiga faktor iaitu pendidikan dalam talian, hubungan kekeluargaan dan teknologi digital mempunyai kaitan dengan tahap kesejahteraan mereka. Berkaitan dengan pandangan pelajar asnaf tentang pembelajaran dalam talian, dapatan menunjukkan bahawa pembelajaran atas talian boleh memberi impak positif dan negatif pada pengalaman pembelajaran mereka. Dari aspek positif, 70% responden berpandangan bahawa pembelajaran dalam talian merupakan satu jalan alternatif bagi seorang pelajar untuk mendapatkan ilmu dengan mudah tanpa perlu pergi ke kelas secara fizikal, menjimatkan kos (belajar di rumah, tanpa perlu pulang ke kampus), waktu dan tempat belajar yang fleksibel dan mudah mengulangkaji pelajaran menerusi rakaman video pengajaran. Manakala dari aspek negatif pula, pelajar asnaf berpendapat bahawa masalah capaian internet menjadi masalah utama yang mengganggu pembelajaran dalam talian, di samping beberapa impak negatif lain seperti ianya boleh menjejaskan komunikasi mereka dengan pensyarah dan rakan-rakan pelajar di kampus, berpotensi untuk membentuk sikap pasif dalam kalangan pelajar, pembelajaran tidak efektif, kurang fokus dan meningkatkan jurang sosial.

Seterusnya, penyelidik turut mendapatkan pandangan pelajar tentang implikasi pembelajaran dalam talian terhadap kehidupan sosial mereka. Penemuan kajian ini mendapati bahawa hampir 90% pelajar menyatakan bahawa pembelajaran dalam talian tidak dapat membentuk interaksi sosial yang baik dalam kalangan pensyarah dan rakan-rakan. Antara alasan yang dikemukakan ialah kurang keyakinan diri, tiada interaksi fizikal (pelajar tidak boleh berjumpa dan bersemuka dengan pensyarah dan rakan-rakan), komunikasi melalui *whatsapp* kurang berkesan, tidak kenal dengan siapa mereka berhubung dan berkomunikasi, pelajar lebih cenderung berdiam diri ketika sesi kelas dalam talian dan hanya berinteraksi jika ada soalan yang ingin ditanya sahaja. Pandangan dan alasan ini juga boleh dikaitkan dengan kesukaran pelajaran untuk mencari rakan baik samada dalam program pengajian yang sama atau berlainan.

Turut diajukan kepada responden ialah bagaimana hubungan kekeluargaan boleh membantu menambah baik kesejahteraan mental dan sosial mereka. Majoriti pelajar menyatakan hubungan kekeluargaan yang baik akan memberikan impak positif pada kesihatan sosial dan mental mereka. Sebaliknya, jika tidak baik, maka akan menambah tekanan kepada mereka. Dapatan kajian mendapati hampir 80% responden menyatakan sekiranya keluarga lebih memahami, menyokong satu sama lain, mudah untuk berbincang, dan suasana rumah yang aman mampu meningkatkan kesejahteraan mental. Keluarga juga perlu membenarkan pelajar untuk bergaul dengan masyarakat atau menyertai program masyarakat bagi meningkatkan kesejahteraan sosial responden.

Dari aspek pengaruh penggunaan teknologi digital terhadap kesejahteraan sosial, majoriti responden berpendapat bahawa penggunaan teknologi digital boleh mempengaruhi

Volume: 9 Issues: 63 [June, 2024] pp. 172 - 182
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096312

kesejahteraan mental dan sosial individu. Mereka berpandangan teknologi digital memberi kesan positif dan juga negatif kepada seseorang individu. Dari segi positif, teknologi digital dapat membantu dari aspek komunikasi, capaian informasi terkini dan proses pembelajaran. Manakala dari segi kesan negatif, pelajar berpendapat penggunaan media sosial yang berlebihan dan tidak beretika boleh mengakibatkan mental seseorang terjejas seperti kesan buli siber dan kurang keyakinan diri.

Cadangan Menangani Isu Kesejahteraan Sosial

Bahagian ini menerangkan tentang dapatan kajian kualitatif khususnya untuk menjawap objektif kajian tentang cadangan bagi menangani masalah kesejahteraan mental dan sosial pelajar asnaf. Berdasarkan pandangan responden, usaha untuk menangani dan mengurus isu kesejahteraan sosial amat penting kerana perkara ini berkait rapat dengan urusan pembelajaran mereka. Hal ini kerana memiliki kualiti kesejahteraan sosial yang baik akan memberi kesan positif kepada keseimbangan hidup mereka termasulah untuk menjadi pelajar yang cemerlang (fokus dalam pelajaran), mampu berperanan secara efektif dalam pelbagai kapasiti hidup bersosial, dan menangani apa juga cabaran serta isu yang berkaitan pelajaran atau kehidupan.

Dalam perkembangan sama, secara umum responden berpandangan bahawa kesejahteraan sosial dan mental merupakan aspek yang sangat penting bagi seseorang dalam kehidupan. Seseorang yang baik dari segi mental dan sosial akan lebih gembira dalam hidup serta mampu untuk menjalani cabaran dan ujian hidup dengan baik dan rasional. Dalam konteks semasa (zaman yang mencabar dan menekan), terdapat responden yang mencatatkan bahawa ‘mensejahterakan mental dan sosial’ amat kritikal bagi mempastikan kehidupan sebagai seorang pelajar tidak terganggu/terjejas. Ringkasnya, responden merumuskan bahawa kesejahteraan mental dan sosial berpengaruh dan penting kepada pelajar dalam pengajian (kurikulum dan ko-kurikulum) serta juga dalam kehidupan seharian.

Perbincangan dan Kesimpulan

Isu kesejahteraan sosial dalam kalangan pelajar asnaf UUM yang dapat dirumuskan hasil analisis kualitatif adalah seperti berikut:

- Pertama, isu pengasingan diri daripada keluarga dan rakan-rakan. Ahli penyelidik berpendapat bahawa adanya perasaan terasing daripada rakan-rakan sebaya, ahli keluarga dan perasaan rendah diri (*inferiority complex*) dalam kalangan pelajar asnaf. Hal ini mungkin ada kaitan dengan perubahan fasa kehidupan pelajar. Merujuk kepada Abdul Wahab, (2018), kesejahteraan mental dan sosial adalah sesuatu yang dinamik serta berubah mengikut fasa kehidupan seseorang. Kehidupan di kampus pastinya berbeza dengan kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat. Kehidupan di kampus memerlukan pelajar berdikari, membuat keputusan sendiri, memilih rakan sebaya yang sepadan dengan personaliti diri, dan bersosial dalam ruang persekitaran yang terbatas.

- Kedua, keperluan hidup tidak dapat dipenuhi. Hal ini disokong dengan dapatan kajian yang menunjukkan pelajar asnaf tidak berpuashati dengan tahap kesejahteraan mental dan sosial semasa (iaitu sekitar 25%) ekoran daripada masalah kewangan (faktor kemiskinan keluarga). Kelangsungan hidup di kampus samada untuk memenuhi keperluan hidup (makan, minum dan pakaian) dan keperluan pembelajaran memerlukan bantuan dan sistem sokongan secara berterusan. Misalnya, ketiadaan ‘laptop’ sendiri atau terpaksa berkongsi ‘laptop’ dengan adik beradik lain turut menjadi masalah sebahagian dari pelajar asnaf. Sebagai pelajar IPT, sudah pasti isu pemilikan

Volume: 9 Issues: 63 [June, 2024] pp. 172 - 182
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096312

'laptop' dan capaian internet yang stabil berperanan dalam mempastikan mereka boleh memberi tumpuan dalam pelajaran. Sekurang-kurangnya dengan sistem sokongan dan persekitaran kampus yang dilengkapi makmal komputer dan rangkaian Internet mampu membantu pelajar asnaf memenuhi keperluan hidup.

- Ketiga, masalah ketidakstabilan hubungan antara ahli keluarga dan ibubapa di rumah. Misalnya, kajian ini mendapati bahawa masalah konflik dan ketidakstabilan rumah tangga (keretakkan hubungan ibu dan bapa), dan hubungan adik beradik yang tidak harmoni memberi implikasi yang tidak baik kepada kesejahteraan mental dan sosial mereka. Tekanan hidup keluarga dan ditambah dengan ketidakpercayaan sesama rakan pengajian di kampus juga merupakan antara pemangkin kepada kemerosotan kualiti kesejahteraan mental dan sosial seseorang pelajar asnaf.

Penyelidik berpendapat bahawa ketiga-ketiga isu ini boleh dikaitkan dengan Teori PERMA kerana teori ini ada menyatakan tentang pentingnya setiap individu pelajar asnaf mengawal keutuhan diri sendiri sebagai asas untuk menghindari diri dari sebarang masalah kesejahteraan sosial. Misalnya, teori ini menjelaskan bahawa hubungan antara diri sendiri dan keluarga boleh dibina dengan cara mencari titik persefahaman antara kedua-dua pihak. Sekiranya perkara ini dapat dibina, maka masalah kesejahteraan sosial seperti ketidakstabilan hubungan antara ahli keluarga dan ibubapa di rumah dapat dielakkan.

Pada umumnya, hasil kajian ini menjelaskan bahawa untuk meningkatkan kesejahteraan mental dan sosial, pelajar asnaf digalakkan melibatkan diri (bersosial) dalam masyarakat di pelbagai lapisan dan peringkat umur, termasuklah sesama rakan sebaya dan komuniti setempat. Hubungan kekeluargaan dan persahabatan melalui perkongsian informasi (komunikasi) yang baik membantu secara positif usaha membina kesejahteraan sosial serta seterusnya kemampanan mental. Aspek kesihatan jasmani (fizikal), dan emosi (psikologi dan rohani), selain keupayaan mengawal diri dan kemampuan membuat keputusan secara matang perlu diperkasakan dalam perkara ini.

Selain kaedah dan saranan tersebut, sebahagian responden menyatakan bahawa kepentingan kesihatan mental dan sosial juga boleh direalisasikan atau dicapai melalui sikap yang terbuka (rasional) dan fleksibel, elakkan 'overthinking', selalu bersenam, sentiasa berada dalam lingkungan (circle) yang peka dan prihatin, meningkatkan ketaatan kepada Allah SWT, menghormati ibu bapa dan mengamalkan amar makruf nahi mungkar. Berikut pula adalah cadangan dikemukakan oleh pelajar asnaf untuk meningkatkan kesejahteraan mental dan sosial:

- tidak memikirkan sesuatu perkara itu dengan terlalu mendalam terutama bagi perkara yang melibatkan individu/orang lain;
- cuba menangani cabaran yang dihadapi secara matang;
- mendapatkan pandangan orang lain (mendengar pendapat orang lain) yang boleh dipercayai terlebih dahulu dalam menyelesaikan sesuatu masalah;
- mengukuhkan perhubungan dan komunikasi inklusif;

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya mencapai dua objektif kajian. Bagi objektif kajian pertama, kajian secara kualitatif telah dilakukan. Menerusi temubual bersemuka bersama 30 pelajar asnaf, kajian ini mendapati bahawa terdapat hampir 25 peratus pelajar yang menghadapi masalah kesejahteraan sosial. Walaupun peratusan ini agak kecil, namun implikasinya cukup besar. Hal ini dapat dijelaskan dari beberapa aspek seperti isu pengasingan diri daripada

Volume: 9 Issues: 63 [June, 2024] pp. 172 - 182
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096312

keluarga dan rakan-rakan, keperluan hidup tidak dapat dipenuhi, dan masalah ketidakstabilan hubungan adik beradik (antara ahli keluarga dan ibubapa) di rumah. Tambahan daripada itu, majoriti pelajar asnaf memahami akan kepentingan kesejahteraan sosial, dan bagaimana ia boleh dibina dan disemai dalam kehidupan mereka. Kedua, cadangan atau langkah-langkah yang sesuai untuk meningkatkan kesejahteraan mental pelajar asnaf juga dicapai. Beberapa cadangan telah dikemukakan termasuklah perlunya pelajar untuk sentiasa bersikap terbuka (rasional) dan fleksibel, dan sentiasa meningkatkan ketaatan kepada Allah SWT.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZN) yang telah membiayai dana penyelidikan ini dan telah memberi peluang kepada penyelidik UUM untuk menyumbang tenaga, idea dan buah fikiran bagi menyiapkan kajian ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Institut Penyelidikan Inovasi dan Zakat UUM (IPIZ) atas kerjasama dalam menguruskan geran penyelidikan ini. Penghargaan ini juga ditujukan kepada Dekan SBM dan para pensyarah UUM yang telah memberikan kerjasama dan bantuan sepenuhnya dalam melaksanakan dan menyiapkan kajian ini.

Rujukan

Abdul Wahab, M.A. Norizan, A.G., & Hafiah, Y. (2018). Initial discussion on the past studies of wellbeing. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences. 8*(5), 74-86.

Abu Bakar, B., Shafiza, S. & Irfan, S.S. (2022). Kesejahteraan Mental Dalam Kalangan Huffaz: Satu Tinjauan Awal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED).* 7(49), 148-161.

Braun, V. & Clarke, V. (2012) Thematic analysis. In H. Cooper, P. M. Camic, D. L. Long, A. T. Panter, D. Rindskopf, & K. J. Sher (Eds), *APA handbook of research methods in psychology, Vol. 2: Research designs: Quantitative, qualitative, neuropsychological, and biological* (pp. 57-71). Washington, DC: American Psychological

Carruthers, C., & Hood, C. D. (2004). The power of the positive: Leisure and well-being. *Therapeutic Recreation Journal*, 38(2), 225-245.

Cernaser, A. & Axon, D.R. (2023). Thematic analysis in qualitative research: An overview. *Journal of The American College of Clinical Pharmacy*. 6(1). 1-10. DOI: 10.1002/jac5.1817

Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2001). Research Methods in Education (5th ed.). Oxford: Routledge Falmer Publisher.

Emilly, A.S. & Mohd Dahlan, A.M. (2014). Konsep integriti dan nilai-nilai murni terhadap kesejahteraan hidup dalam kalangan pelajar universiti yang tinggal di bandar dan luar bandar: satu kajian di Universiti Malaysia Sabah. *E-proceeding Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga* 2014.

Ganasan, H.M., & Azman, N. (2021). Kesihatan mental dan motivasi pelajar semasa pembelajaran dalam talian sepanjang pandemik Covod-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities. 6*(10), 25-40.

Jauhari, M.S., Kamarudin, Q.M., Usak,H.A., Anuar, N.F.H., Sanusi, S., Ibrahim, S.I.W., Radeef, A.S. & Basri, N.A. (2022). Cross Sectional Study: Family Relationships and Self-Esteem and Its Associationwith Mental Well-Being among Medical Students in A Malaysian University. *Mediterranean Journal of Clinical Psychology*. 10(2), 1-17.

Jordan, M. (2023). The power of connection: self-care strategies of social wellbeing. Journal of Interprofessional Education and Pracice, 3(1), 1-6.

Keyes, C.L.M. (1998). Social Well-Being. *Social Psychology Quarterly*. 16(2), 121-140.

Volume: 9 Issues: 63 [June, 2024] pp. 172 - 182
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096312

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, *30*(3), 607-610.

Lages, A., Magalhães, E., Antunes. C. & Ferreira, C. (2018). Social Well-Being Scales: Validity and Reliability Evidence in the Portuguese Context. *PSICOLOGIA*. 32 (2), 15-26. doi: 10.17575/rpsicol.v32i2.1334.

LZNK (2023). Siapakah penerima yang layak menerima zakat? Diakses dari https://zakatkedah.com.my/penerima-zakat pada 23 Januari 2023

Nordin, N.M., & Talib, M.A. (2009). Kesunyian dan Kesej ahteraan Psikologi di Kalangan Pelajar Universiti di Malaysia, *Jurnal Psikologi Malaysia, 23*. 27-37.

Rosairo, C. (2023). Thematic analysis in qualitative research. *Journal of Agricultural Sciences*. 18(3), 1-3. DOI: 10.403/jas.v.18i3.10526.

Ruggeri, K., Garzon, E.G., Maguire, A., Matz, S., & Huppert, M.A. (2020). Well-being is more than happiness and life satisfaction: a multidimensional analysis of 21 countries. *Health and Quality of Life Outcomes*. 18, 192-216.

Ryff, C. D., & Keyes, C. L. M. (1995). The structure of psychological well-being revisited. *Journal of Personality and Social Psychology*, 69(4), 719.

Ryff, C. D. (1989). Happiness is everything, or is it? Explorations on the meaning of psychological well-being. *Journal of Personality and Social Psychology*, 57(6), 1069.

Salleh Amat & Zuria Mahmud (2009). Hubungan antara ketegasan diri dan kepuasan hidup dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34 (2). pp. 49-65.

Seligman, M. (2018). PERMA and the building blocks of wellbeing. *The Journal of Positive Psychology*. 1-3. Doi:10.1080/17439760.2018.1437466.

Smith, M.D. & Wesselbaum, D. (2024). Wellbeing inequality among adolescent and young adults. *Journal of Adolescent Health*. 74(4), 703-712.

Tang, W.H., Chou, M.J., Chen, W.H., & Tu, C.T. (2016). Relationship among Family Support, Love Attitude, and Well-being of Junior High School Students. *Universal Journal of Educational Research*. 4(2): 370-377. DOI: 10.13189/ujer.2016.040208.

Tamar, A.R.N. & Alayan, N.R.N. (2021). Adolescent wellbeing: A concept analysis. *International Journal of Mental Health Nursing*. 30(2), 357-367.

Teghe, D., & Rendell, K. (2005). Social wellbeing: A literature review. *School of Social Work & Welfare Studies*, CQU: Rockhampton, Australia.

Ummi Munirah, S.M.Z., Wan Shazlinah, S., & Wan Suraya, W.H. (2016). Indeks Kesejahteraan Hidup dalam Masyarakat Kepelbagaian: Kajian dalam Kalangan Pelajar IPTA. *Proceeding Conference: 3rd International Conference on Management and Muamalah 2016* (ICoMM 2016). 299-304.